

Malaysia mungkin tubuh pusat penyelidikan saintifik Antartika

UM 25 FEB 2002

Daripada ABDULLAH HASSAN

LONDON 24 Feb. — Malaysia mungkin menubuhkan pusat penyelidikan saintifik di Antartika kerana perlu membuat kajian mengenai wujudnya sejenis haiwan kecil atau serangga yang terdapat di benua itu dan juga di Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kewujudan jenis haiwan kecil itu di Antartika dan Malaysia adalah pelik dan ia perlu diketahui dari segi saintifik.

Bercakap kepada wartawan di rumah terbuka Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, Datuk Salim Hashim hari ini, Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia terletak di kawasan tropika tetapi tidak ada sebab tidak boleh melakukan penyelidikan di benua kecil itu.

Usaha

Menurutnya, beliau pergi ke Antartika untuk melihat keadaan di sana kerana perlu tahu walaupun nampak tidak ada kenamengena dengan Malaysia.

Beliau berkata, banyak negara telah mengadakan penyelidikan dan Malaysia juga sedang mengadakan usaha yang sama.

Beberapa orang saintis yang melakukan penyelidikan menggunakan kemudahan New Zealand dan Australia.

Dr. Mahathir memberitahu, beliau pergi ke bahagian penyelidikan Argentina dan beliau telah pun berjumpa dengan Presiden negara itu, Eduardo Duhalde, untuk mendapatkan kerjasama.

Dr. Mahathir tiba di sini hari ini dalam rangka lawatan kerja lima hari.

Esok beliau akan menemui para pelajar Malaysia di Imperial College, selain mengunjungi Perdana Menteri Britain, Tony Blair di No. 10 Downing Street, Isnin ini.

■ Lihat muka 4

Malaysia mungkin tubuh pusat penyelidikan saintifik Antartika

Semasa di sini, beliau juga akan mengadakan pertemuan dengan anggota-anggota House of Lords dan House of Commons;

Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni dan menghadiri mesyuarat dengan Pengerusan Teknikal Komanwel (CPTM).

Perdana Menteri akan ditemu ramah oleh stesen televisyen Al-Jazeera yang akan disiarkan secara langsung sebelum berangkat pulang Rabu ini. — *Utusan*